

## KEMAHIRAN INSANIAH KE ARAH PEMBENTUKAN POTENSI PELAJAR

**Haslina Md Yunus**  
**Abdul Razaq Ahmad**  
**Anisa saleha**

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

### Abstrak

*Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap aspek budaya sekolah dan bilik darjah ke arah membentuk kemahiran insaniah ke arah pembentukan potensi pelajar. Budaya sekolah adalah merujuk kepada persekitaran dan aktiviti di peringkat sekolah manakala bilik darjah pula adalah berkaitan dengan proses pengajaran dan pembelajaran yang mengarah kepada penerapan kemahiran insaniah iaitu kepimpinan, komunikasi, kemahiran berfikir, pengurusan teknologi dan informasi, interpersonal dan bekerjasama dalam kalangan pelajar. Kajian ini adalah berbentuk tinjauan menggunakan soal selidik bagi mendapatkan maklumat. Sampel kajian dipilih secara rawak mudah yang melibatkan seramai 400 orang pelajar dari tiga jenis sekolah iaitu sekolah menengah harian, sekolah menengah agama dan sekolah menengah teknik dan vokasional di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan. Hasil kajian rintis berdasarkan analisis Cronbach Alpha keseluruhan konstruk berada pada tahap kebolehppercayaan yang tinggi iaitu antara 0.73 hingga 0.94. Kajian ini menggunakan analisis deskriptif iaitu min dan sisihan piawai dengan menggunakan perisian SPSS 22.0. Hasil kajian menunjukkan aspek sokongan persekitaran budaya sekolah berada di tahap yang sederhana manakala aspek bilik darjah berada di tahap sederhana tinggi manakala amalan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar keseluruhannya berada ditahap sederhana tinggi. Implikasi kajian menunjukkan bahawa persekitaran sekolah dan aktiviti bilik darjah masih lagi di tahap yang belum memuaskan untuk membentuk kemahiran insaniah di kalangan pelajar. Oleh itu, pelbagai usaha dan aktiviti perlu disesuaikan mengikut keperluan pelajar dalam membentuk bagi meningkatkan potensi pelajar dengan menggunakan pendekatan kemahiran insaniah.*

*Kata Kunci: Kemahiran Insaniah, Iklim Sekolah, Iklim Bilik Darjah dan Potensi Pelajar.*


### PENGENALAN

Kemahiran insaniah menjadi elemen pembangunan insan yang terpenting dan perlu dikembangkan dalam dunia pendidikan dan amalan pembelajaran di sekolah samada secara langsung mahupun tidak langsung. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) bagi tempoh 2013-2025 telah menegaskan betapa pentingnya pengembangan aspek-aspek kemenjadian murid sebagai indikator penting bagi mewujudkan pelajar yang dapat menghadapi cabaran alaf baru, prospek pekerjaan dan daya saing pada peringkat global.

Kerajaan mengakui terdapat pelbagai kemahiran (*multi skill*) lain yang diperlukan untuk melahirkan *out comes* sekolah yang dapat berdaya saing pada peringkat seterusnya. Sumber manusia yang dikehendaki dalam dunia pekerjaan adalah mereka

yang mempunyai kebolehan dan kepelbagaian kemahiran (*multi skill*) (Zainuddin *et. al.*, 2005 dan Quek, 2005). Lulusan sekolah mestilah memiliki kemahiran insaniah untuk membantu mereka bersaing dalam masyarakat yang lebih luas dan memenuhi tuntutan dunia luar yang lebih mencabar.

Kertas kerja ini akan membincangkan bagaimana pengaruh iklim sekolah dan bilik darjah terhadap amalan kemahiran insaniah. Kemahiran insaniah yang dikaji dalam kajian ini mengandungi enam komponen kemahiran iaitu kemahiran kepimpinan, kemahiran komunikasi, kemahiran berfikir, kemahiran pengurusan teknologi informasi, interpersonal dan bekerjasama sebagaimana digambarkan melalui rajah berikut.




Rajah 1.1 Pengaruh Persekitaran Terhadap Amalan Kemahiran Insaniah

Sumber: Model KI Kearns (2001), Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (*softskill*) untuk IPT dan Pelan Pembangunan Pendidikan (2013)


## LANDASAN TEORI KAJIAN

Kemahiran Insaniah yang diutarakan dalam kertas kerja ini adalah bersumberkan kepada Model Kemahiran Insaniah Kearns (2001), Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (*softskill*) untuk IPT dan Pelan Pembangunan Pendidikan (2013). Menurut model Kearns (2001), kemahiran generik pada individu boleh dikelaskan kepada empat kumpulan, seperti rajah berikut.



Rajah 1.1 Model KI Kearns (2001)

Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 (KPM, 2010) telah disenaraikan enam aspek utama yang diperlukan untuk melahirkan generasi pelajar abad ke-21 yang berkemahiran insaniah sebagaimana yang dipaparkan melalui Rajah 1.2 berikut:



Rajah 1.2 : Ciri-ciri Kemahiran Insaniah Dalam PPPM 2013-2025

Manakala berdasarkan Model Pembangunan Kemahiran Insaniah IPT, tujuh elemen kemahiran insaniah telah dikenalpasti iaitu: a) Kemahiran Komunikasi, b) Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah, c) Kemahiran Kerja

Berpasukan, d) Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat, e) Kemahiran Keusahawanan, f) Etika dan Moral Profesional & g) Kemahiran Kepemimpinan. Berdasarkan ketiga-tiga model yang diutarakan, penyelidik telah memilih elemen-elemen penting yang perlu diketengahkan pada peringkat sekolah. Sebanyak 6 elemen telah dipilih.

### MASALAH KAJIAN

Menurut Lange dan Technicon (2000), penguasaan kemahiran seperti kemahiran berkomunikasi, menyelesaikan masalah, membuat keputusan, memiliki ciri-ciri kepimpinan, bekerja dalam kumpulan dan memiliki lain-lain kemahiran insaniah adalah asas dalam pertimbangan majikan untuk memilih pekerja atau kriteria penting yang digunakan oleh pendaftar untuk menerima permohonan melanjutkan pelajaran ke peringkat diploma dan sarjanamuda. Walau bagaimanapun, ramai dalam kalangan lepasan sekolah yang tidak memiliki kemahiran-kemahiran yang diperlukan menyebabkan mereka gagal.

Kebanjiran pekerja asing ke Malaysia juga atas faktor yang sama. Selain dibayar dengan upah yang murah, pekerja asing juga cepat belajar, dapat menyerap budaya kerja yang dikehendaki dan memiliki kemahiran yang diperlukan majikan di negara ini. Menurut Mohd Safarin *et. al*, (2005) punca yang dikenalpasti menyebabkan pelajar lulusan sekolah dilihat gagal memimpin diri mereka ke arah keputusan hidup yang lebih baik ialah tidak dapat menguasai *multiskill*

Menurut Kamsah (2004), tidak kesemua pelajar hari ini lemah dalam aspek teknikal atau kefahaman sains, matematik dan fizik, sebaliknya mereka lemah dalam kemahiran insaniah yang menyebabkan penguasaan aspek teknikal tidak dapat digunakan dengan efektif. Nurahimah Mohd Yusoff dan Rosmawati Mamat (2002) mendapati institusi latihan vokasional gagal menyediakan kemahiran yang diperlukan seperti kemahiran interpersonal, kemahiran menulis dan berkomunikasi.

### TUJUAN KAJIAN

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti tahap aspek budaya sekolah dan bilik darjah ke arah membentuk kemahiran insaniah ke arah pembentukan potensi pelajar. Budaya sekolah adalah merujuk kepada persekitaran dan aktiviti di peringkat sekolah manakala bilik darjah pula adalah berkaitan dengan proses pengajaran dan pembelajaran yang mengarah kepada penerapan kemahiran insaniah iaitu kepimpinan, komunikasi, kemahiran berfikir, pengurusan teknologi dan informasi, interpersonal dan bekerjasama dalam kalangan pelajar.

### METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk tinjauan menggunakan soal selidik bagi mendapatkan data-data yang diperlukan. Soal selidik diubahsuai daripada instrument kajian softskill di IPT dan Pelan Pembangunan Pendidikan (2013) dan juga merujuk kepada Model KI Kearns (2001) di dalam kerangka konseptual dengan menggunakan Skala Likert Lima Mata. Bagi Kesahan Muka dan Kandungan, soal selidik ini telah merujuk kepada tiga orang pakar bidang seterusnya ditambahbaik dan dibuat kajian rintis yang melibatkan

tiga puluh orang responden dan hasil daripada kajian rintis menggunakan analisis Cronbach Alpha, tahap kebolehpercayaannya adalah berada di tahap yang tinggi iaitu antara 0.73 hingga 0.94. Pemilihan sampel dibuat secara rawak mudah melibatkan seramai 400 orang responden iaitu pelajar dari enam buah sekolah yang terdiri daripada sekolah menengah harian (200 orang), sekolah menengah agama (100 orang) dan sekolah menengah teknik dan vokasional (100 orang) di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan di Malaysia.

### KAJIAN-KAJIAN LEPAS

Kajian Rohanida Abd. Manaf dan Mohd Sofian Omar Fauzee (2002) dan Mohd. Hamidi Abdul Hamid (2002) adalah tentang peranan ko-kurikulum dalam membangunkan kemahiran kepimpinan individu. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa aktiviti kokurikulum lebih banyak menanam, memupuk dan memberi latihan awal dari segi aspek kepimpinan, sahsiah dan kemasyarakatan dalam kalangan pelajar. Zainudin et.al. (2005) dan Quek (2005), menyatakan bahawa pembentukan sumber manusia yang bakal melangkah ke dunia pekerjaan perlu dibentuk supaya mereka berkeupayaan menjadi lebih mutiskill dan fleksibel serta tidak terikat kepada hanya satu kebolehan sahaja.

Kajian Ahmad Esa, Kamarudin Khalid dan Sarebah Warman (2014) terhadap pembangunan kemahiran insaniah khususnya kemahiran kepimpinan melalui persatuan silat gayung mendapati bahawa pelajar telah diterapkan dengan kemahiran kepimpinan dan mereka juga menguasai kemahiran ini dalam aktiviti kokurikulum. Dapatan kajian ini menyamai kajian yang dibuat oleh Fan (2010) iaitu seni bela diri mampu memupuk kemahiran kepimpinan pelajar yang seterusnya dapat diaplikasikan ke dalam bidang pekerjaan dan hubungan dengan masyarakat.

Abdul Rahman (2010) menyatakan bahawa punca utama kegagalan seseorang dalam pekerjaannya adalah disebabkan mereka gagal untuk mewujudkan interaksi yang positif dengan persekitaran mereka. Keadaan ini menunjukkan bahawa kemahiran berkomunikasi sangat penting dalam sektor pekerjaan. Haslinda, Muhammad Nubli dan Zarina (2005) dalam satu kajian ke atas Program Soft Skills diperkenalkan di Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM) terhadap 373 orang pelajar dan 49 orang kakitangan akademik mendapati program Soft Skills merupakan satu program bersepadu yang mampu menghasilkan bakal jurutera untuk memenuhi kehendak industri dan aspirasi negara.

Kajian Rozita (2009) tentang pengaruh sokongan interpersonal ibu bapa, rakan sebaya, sekolah dan persekitaran fizikal terhadap penglibatan remaja dalam aktiviti sosial bertujuan mengenalpasti persepsi remaja terhadap sokongan sosial yang diberikan oleh ibu bapa, rakan sebaya, sekolah, kemudahan fizikal dan hubungannya dengan penglibatan aktiviti fizikal dalam masa senggang. Hasil kajian mendapati bahawa hanya 20% remaja yang terlibat dalam kajian yang bergiat secara aktif dalam aktiviti fizikal masa senggang iaitu remaja lelaki lebih aktif daripada remaja perempuan dan efikasi diri di kalangan remaja lelaki adalah lebih baik daripada remaja perempuan.

### ENAM ASPEK KEMAHIRAN INSANIAH

Kemahiran insaniah dikenali juga sebagai kemahiran generik yang melibatkan enam aspek iaitu kemahiran kepimpinan, kemahiran komunikasi, kemahiran berfikir, kemahiran pengurusan teknologi informasi, kemahiran interpersonal dan kemahiran bekerjasama.

#### 1. **Kemahiran kepimpinan**

Kemahiran kepimpinan ialah kegiatan untuk mempengaruhi orang lain supaya dapat bekerjasama berdasarkan kemampuan seseorang untuk membimbing orang lain dalam mencapai tujuan-tujuan yang diinginkan oleh sesuatu kelompok. Dalam konteks sekolah, kemahiran memimpin dapat diterapkan dalam diri pelajar melalui aktiviti kumpulan dan persatuan, diberi tanggungjawab mengurus dan menjadi pemudahcara dalam aktiviti sekolah, bekerjasama dengan ahli kumpulan yang lain dan dapat memberi arahan yang jelas, mencetuskan idea bernas serta mampu mendorong ahli kumpulan memotivasi diri dalam peningkatan prestasi. Aspek ini penting bagi melahirkan pemimpin yang berkaliber di peringkat sekolah.

#### 2. **Kemahiran Komunikasi**

Kemahiran komunikasi merujuk kepada Nusabaum (2007), adalah suatu kebolehan untuk mewujudkan interaksi atau hubungan melalui medium perantara atau sebaliknya dengan orang lain yang merangkumi kemahiran menulis, membaca, berhujah, mendengar, etika dalam berkomunikasi dan mempunyai kaitan dengan penggunaan teknologi. Sekolah berperanan sebagai institusi sosial yang sangat menekankan komunikasi berkesan di dalam kelas untuk mewujudkan perkembangan sosial sejagat (Nurul Salmi dan Mohd Isha, 2014).

#### 3. **Kemahiran Berfikir**

Kemahiran berfikir boleh dibahagikan kepada kemahiran berfikir kritis dan kreatif. Kemahiran berfikir kritis ialah kebolehan untuk menilai kemunasabahan sesuatu idea dan bersifat evaluatif manakala kemahiran berfikir kreatif ialah kebolehan untuk mencerna dan menghasilkan idea asli dan bersifat generatif. Melalui penguasaan kemahiran berfikir, pelajar akan dapat mengaplikasi sesuatu yang dipelajari dengan isu semasa, memberi idea-idea baru, mampu membuat kesimpulan dengan baik, memberi pendapat dari perspektif berbeza, membuat refleksi dari idea-idea dan pengetahuan yang telah diperolehi, dapat menyelesaikan pelbagai masalah dengan cara sendiri, dapat memberi justifikasi sebab-musabab dan dapat memberi pendapat secara rasional berdasarkan fakta.

#### 4. **Kemahiran Pengurusan Teknologi Informasi**

Penggunaan ICT merupakan kemahiran penting pada abad ke 21. Melalui penggunaan ICT dalam kurikulum, kebolehan pelajar akan dapat ditingkatkan. Pelajar akan mahir tentang perkara asas ICT, mahir menggunakan medium sosial seperti facebook, twitter dan instagram, dapat menggunakan pelbagai kemahiran ICT serta meningkatkan prestasi diri dan jaringan ilmu.

## 5. Interpersonal

Kemahiran interpersonal ialah kebolehan memahami orang lain dan menggunakan kebolehan ini dalam berinteraksi, bekerjasama, membimbing dan menguruskan komunikasi. Melalui kemahiran ini, seseorang individu akan memahami perasaan, tabiat serta hasrat orang lain. Selain itu individu yang berkemahiran interpersonal akan mudah mesra dan berinteraksi dengan orang lain serta dapat bekerjasama dengan orang lain secara praktikal. Mereka juga mampu memberi motivasi kepada orang lain. Justeru itu, kemahiran interpersonal dilihat penting untuk diterapkan dalam kalangan pelajar sekolah supaya mereka dapat menghargai pendapat yang berbeza, memahami dan menyesuaikan diri dengan individu lain, bersikap terbuka dan boleh menerima kritikan dan pandangan orang lain.

## 6. Bekerjasama

Kemahiran bekerjasama juga penting untuk diterapkan dalam diri pelajar. Melalui kerjasama, hubungan sesama komuniti dapat dijalin dengan baik. Melalui sikap bekerjasama, sesuatu tugas dapat dijalankan dengan baik di dalam kumpulan. Selain itu, melalui kerjasama, seseorang individu akan dapat menghargai dan menerima pendapat orang lain, mementingkan matlamat atau kejayaan kumpulan, memberi sumbangan yang optimum dan membantu ahli kumpulan untuk mencapai kejayaan bersama.

## DAPATAN DAN PERBINCANGANKAJIAN

### i. Sokongan Persekitaran Sekolah dan Bilik Darjah Terhadap Pengembangan Kemahiran Insaniah

Jadual 1 Tahap sokongan budaya sekolah

| No | Budaya sekolah                                                                                 | Min  | Sisihan piawai | Interpretasi     |
|----|------------------------------------------------------------------------------------------------|------|----------------|------------------|
| 1  | Sekolah menyediakan pelbagai aktiviti yang melibatkan pidato dan kuiz                          | 2.76 | 1.05           | Sederhana        |
| 2  | Sekolah menyediakan sudut pidato kepada pelajar                                                | 2.46 | 1.15           | Sederhana        |
| 3  | Sekolah menggalakkan interaksi dan budi bahasa antara pelajar dan guru                         | 3.18 | 0.73           | Sederhana Tinggi |
| 4  | Budaya sekolah mendorong saya untuk lebih prihatin dan bekerjasama dengan orang lain           | 3.09 | 0.73           | Sederhana tinggi |
| 5  | Kemudahan ICT disekolah memudahkan saya untuk mengakses pelbagai maklumat berfaedah            | 2.69 | 1.20           | Sederhana        |
| 6  | Sekolah menyediakan kemudahan kaunseling untuk menyelesaikan masalah dan meningkatkan kejayaan | 3.02 | 1.02           | Sederhana tinggi |
| 7  | Sekolah memberikan latihan ICT kepada pelajar                                                  | 2.69 | 1.14           | Sederhana        |
| 8  | Laman WEB disediakan di sekolah untuk meningkatkan pelbagai kemahiran                          | 2.66 | 1.30           | Sederhana        |
| 9  | Sekolah mengadakan pelbagai aktiviti untuk mewujudkan saingan positif pelajar                  | 3.06 | 0.84           | Sederhana tinggi |
|    | Keseluruhan                                                                                    | 2.85 | 0.75           | Sederhana        |

Kajian menunjukkan pengaruh yang signifikan iklim dan budaya sekolah dalam meningkatkan kemahiran insaniah. Pembudayaan penggunaan bahasa yang sopan dan santun dalam berkomunikasi, semangat bekerjasama, saluran penyelesaian masalah melalui khidmat kaunseling serta penyediaan pelbagai aktiviti dan program dalam menggalakkan persaingan positif dapat dikembangkan melalui aktiviti dan program yang dianjurkan. Dapatan menunjukkan kesemua aspek ini adalah pada tahap sederhana tinggi. Hal ini turut disokong oleh kajian Ahmad Esa *et al* (2014) yang mengakui kebolehan pelajar dalam aspek interpersonal dan komunikasi telah dapat ditingkatkan melalui peranan yang dimainkan oleh guru-guru dalam menganjurkan pelbagai program dan aktiviti. Hal ini jelas menunjukkan adanya langkah pengembangan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar. Tahapnya adalah sederhana tinggi. Manakala beberapa aspek kemahiran insaniah yang lain seperti kemahiran pengucapan awam dan amalan penggunaan ICT masih lagi bersifat sederhana dan memerlukan lebih masa serta bantuan dana bagi melengkapkan kemudahan yang diperlukan untuk memantapkan pengetahuan dan amalan ICT dalam kalangan pelajar.

Menurut Bronfenbrenner (1977) persekitaran amat berpengaruh dan memberi kesan terhadap proses pertumbuhan dan perkembangan individu justeru itu sekolah mampu membina karakter pelajar melalui bentuk pengetahuan dan amalan tingkah laku. Selain itu, budaya sekolah juga bersifat dinamik, merupakan hak milik seluruh warga sekolah serta merupakan produk dari interaksi pelbagai peringkat. Nurul Salmi Mohd Dazali dan Mohd Isha Awang (2014) turut mengakui kejayaan sekolah dalam meningkatkan potensi kemahiran insaniah pelajar melalui program dan aktiviti yang dikendalikan dan menangkis pandangan yang melihat sekolah gagal dalam menerapkan *multiskill* yang diperlukan.

Jadual 2 Tahap sokongan iklim bilik darjah dalam kalangan pelajar

| No | Bilik Darjah                                                                                 | Min  | Sisihan piawai | Interpretasi     |
|----|----------------------------------------------------------------------------------------------|------|----------------|------------------|
| 1  | Guru memberi bimbingan untuk berinteraksi dengan rakan dalam proses pembelajaran             | 3.60 | 0.67           | Sederhana Tinggi |
| 2  | Guru memberikan tugas berbentuk analisis berbentuk permasalahan                              | 3.52 | 1.02           | Sederhana tinggi |
| 3  | Guru menggalakkan kerjasama secara kumpulan bagi meningkatkan prestasi bersama               | 3.98 | 0.77           | sederhana tinggi |
| 4  | Guru memberi bimbingan dan menentukan tugas kepada individu dalam aktiviti kumpulan          | 3.91 | 0.80           | Sederhana tinggi |
| 5  | Guru sentiasa menggalakkan pelajar memberi pendapat yang kreatif dalam aktiviti pembelajaran | 3.83 | 0.88           | Sederhana tinggi |
| 6  | Guru mengkaitkan pembelajaran dengan isu semasa                                              | 3.60 | 1.15           | Sederhana tinggi |
| 7  | Guru sentiasa menggalakkan pelajar untuk menggunakan ICT dalam aktiviti pembelajaran         | 3.64 | 1.04           | Sederhana tinggi |
| 8  | Guru menggalakkan komunikasi yang baik dengan rakan dan guru dalam proses pembelajaran       | 4.08 | 0.69           | Tinggi           |
| 9  | Guru memberi tugas kepada pelajar untuk                                                      | 3.74 | 0.94           | Sederhana        |



|    |                                                                                                  |      |      |                  |
|----|--------------------------------------------------------------------------------------------------|------|------|------------------|
|    | mencari sumber tambahan melalui internet                                                         |      |      | tinggi           |
| 10 | Guru mendorong pelajar untuk bersikap saling menghargai terhadap pendapat sesama rakan           | 4.04 | 0.70 | Tinggi           |
| 11 | Guru menggalakkan pelajar berinteraksi dengan baik tanpa mengira latar belakang dan budaya rakan | 4.02 | 0.83 | Tinggi           |
| 12 | Guru sentiasa memberikan tugas untuk merumuskan sesuatu pembelajaran yang telah dipelajari       | 3.72 | 1.05 | Sederhana tinggi |
|    | Keseluruhan                                                                                      | 3.81 | 0.55 | Sederhana tinggi |

Oleh kerana bilik darjah merupakan tempat pelajar menghabiskan banyak masa di sekolah, tentu sekali pengaruhnya lebih besar berbanding persekitaran luar bilik darjah. Melalui kecekapan guru mengendalikan kelas dan menggunakan platform bilik darjah sebagai tempat untuk menerapkan kemahiran insaniah dianggap berjaya dan menunjukkan tahap sederhana tinggi. Dapatan menunjukkan tahap yang tinggi iklim bilik darjah terhadap sikap saling menghargai dalam kalangan pelajar (4.04) dan menggalakkan hubungan interpersonal dalam kalangan pelajar (4.02). Guru telah berjaya menggalakkan kerjasama secara kumpulan bagi meningkatkan prestasi bersama (3.98), memberi bimbingan dan menentukan tugas kepada individu dalam aktiviti kumpulan (3.91), menggalakkan pelajar memberi pendapat yang kreatif (3.83), memberi tugas kepada pelajar untuk mencari sumber tambahan melalui internet (3.74), memberikan tugas untuk merumuskan sesuatu pembelajaran (3.72), menggalakkan pelajar untuk menggunakan ICT (3.64), memberi bimbingan untuk berinteraksi dengan rakan dalam proses pembelajaran (3.60) menghubungkan pembelajaran dengan isu semasa (3.60) dan memberikan tugas berbentuk analisis berbentuk permasalahan (3.52),

Menurut Khalim & Norshidah (2005), faktor persekitaran mampu mempengaruhi tingkah laku, perkembangan intelek dan rohani seseorang pelajar. Persekitaran yang positif akan membantu kanak-kanak mencapai kecemerlangan dalam akademik manakala persekitaran yang negatif akan membantutkan segala usaha yang dilakukan oleh pelajar tersebut. Kajian ini menunjukkan bahawa pelajar sekolah menengah teknik dan vokasional mempunyai sokongan persekitaran budaya sekolah yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar sekolah menengah agama dan sekolah menengah harian.

## AMALAN KEMAHIRAN INSANIAH DALAM KALANGAN PELAJAR

### i. Kemahiran Kepimpinan

Jadual 3 Tahap kemahiran kepimpinan dalam kalangan pelajar

| No | Kepimpinan                                                                   | Min  | Sishan piawai | Interpretasi     |
|----|------------------------------------------------------------------------------|------|---------------|------------------|
| 1  | Saya dapat memimpin aktiviti kumpulan dan persatuan yang diadakan di sekolah | 3.68 | 1.07          | Sederhana tinggi |
| 2  | Saya dapat memberi arahan jelas dalam aktiviti yang dikendalikan             | 3.63 | 1.01          | Sederhana tinggi |

---

|   |                                                                                                       |      |      |                  |
|---|-------------------------------------------------------------------------------------------------------|------|------|------------------|
| 3 | Saya dapat menguruskan dan menjadi pemudah cara dalam aktiviti yang diikuti di sekolah                | 3.57 | 1.01 | Sederhana tinggi |
| 4 | Apabila diberi tugas saya dapat melaksanakan tugas dengan baik                                        | 3.96 | 0.82 | Sederhana tinggi |
| 5 | Saya mampu mencetuskan idea-idea baru dalam perbincangan yang di sertai di sekolah                    | 3.57 | 0.98 | Sederhana tinggi |
| 6 | Saya mampu menilai kekuatan dan kelemahan hasil kerja yang dilakukan dalam kumpulan                   | 3.70 | 1.09 | Sederhana tinggi |
| 7 | Saya boleh memberi pelbagai alternatif dalam menyelesaikan masalah                                    | 3.65 | 0.96 | Sederhana tinggi |
| 8 | Saya dapat bekerjasama dengan ahli kumpulan dari latarbelakang yang berbeza                           | 4.03 | 0.84 | Tinggi           |
| 9 | Saya mampu mendorong ahli kumpulan untuk memotivasikan diri ke arah meningkatkan prestasi Keseluruhan | 3.71 | 1.01 | Sederhana tinggi |
|   |                                                                                                       | 3.72 | 0.73 | Sederhana tinggi |

---

Ditinjau dari segi amalan kemahiran insaniah dari aspek kemahiran memimpin, pelajar menunjukkan daya kepimpinan yang sederhana tinggi secara keseluruhannya. Hal ini menunjukkan pelajar mempunyai keupayaan dan kebolehan kepimpinan iaitu dapat memimpin aktiviti kumpulan dan persatuan, dapat memberi arahan jelas dalam aktiviti yang dikendalikan, dapat menguruskan dan menjadi pemudah cara dalam aktiviti, dapat melaksanakan tugas dengan baik, mampu mencetuskan idea-idea baru dalam perbincangan yang di sertai, mampu menilai kekuatan dan kelemahan hasil kerja yang dilakukan, boleh memberi pelbagai alternatif dalam menyelesaikan masalah dan mampu mendorong ahli kumpulan untuk memotivasikan diri. Pelajar pada hari ini tidak lagi pasif kerana persekitaran sekolah yang kondusif dan sistem pembelajaran di bilik darjah yang aktif telah meningkatkan kebolehan mereka dalam pelbagai aspek. Dapatan kajian oleh Chew Fong Peng (2001) turut selari dengan kajian ini yang melihat kebolehan pelajar meningkat jika guru-guru menyediakan peluang kepada mereka untuk mengembangkan potensi.

Hal ini selari dengan apa yang dinyatakan oleh Supaat (2012), bahawa anak muda cepat belajar dan berupaya menonjolkan kemahiran memimpin jika mereka diberikan bimbingan dengan betul. Malahan Wictor dan Andersson (2012) menyatakan bahawa sesebuah negara yang berjaya, berdaya maju dan disegani adalah disebabkan oleh barisan anak mudanya yang tampil sebagai pemimpin yang bervisi. Nilai amalan bekerjasama dalam kumpulan didapati tinggi dan berjaya dikembangkan dalam kalangan pelajar kerana kegiatan belajar secara amnya adalah berasaskan kegiatan berkumpulan. Mereka dapat menunjukkan sikap saling bergantung dan mendorong dalam kumpulan. Hal ini menunjukkan, wujudnya kualiti kepimpinan sebagai kekuatan intrapersonal pelajar dan memudahkan guru untuk memudahcara mereka dalam melakukan aktiviti tanpa sebarang halangan. Kajian ini menunjukkan bahawa pelajar perempuan mempunyai kepimpinan yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar lelaki selari dengan dapatan kajian Mohd Zaki Kamsah *et al* (2011) dan Mohd Salleh Abu *et. al* (2010).

## ii. Kemahiran Komunikasi

Aspek komunikasi amat penting dalam pembangunan individu pelajar untuk menjadi seorang individu yang berkeyakinan tinggi dan dapat menonjolkan peranannya, malahan menjadi aspek penting yang dititikberatkan dalam mendapatkan tempat di pasaran kerja. Menurut Muhammad Haron Husaini & Khairul Anuar Ahmad (2011) kebolehan berkomunikasi membolehkan seseorang usahawan meluaskan rangkaian pemasaran perniagaannya.

Jadual 4 Tahap kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar

| No | Komunikasi                                                                                                                   | Min  | Sishan piawai | Interpretasi     |
|----|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------|---------------|------------------|
| 1  | Saya mampu menggunakan bahasa yang baik dan jelas dalam memberi pendapat dengan tersusun dan sistematik                      | 3.76 | 1.00          | Sederhana tinggi |
| 2  | Saya dapat menggunakan komunikasi berkesan dengan menggunakan gerak tubuh ( <i>body language</i> ) bagi meyakinkan pendengar | 3.65 | 1.02          | Sederhana tinggi |
| 3  | Saya boleh menggunakan komunikasi berbentuk tolak ansur dalam perundingan                                                    | 3.83 | 0.91          | Sederhana tinggi |
| 4  | Saya mahir membentangkan hasil kerja di dalam kelas                                                                          | 3.63 | 1.12          | Sederhana tinggi |
| 5  | Saya dapat meyakinkan orang lain apabila memberi hujah dengan cara rasional                                                  | 3.74 | 0.92          | Sederhana tinggi |
| 6  | Saya mampu memberi pandangan dan pertanyaan dalam majlis perbincangan dan keilmuan                                           | 3.52 | 1.10          | Sederhana tinggi |
| 7  | Saya mampu memudahkan komunikasi mengikut situasi yang pelbagai                                                              | 3.78 | 0.89          | Tinggi           |
| 8  | Saya boleh berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris dengan baik                                                                   | 3.45 | 1.18          | Sederhana tinggi |
| 9  | Saya boleh berinteraksi dengan pelbagai peringkat usia dalam masyarakat                                                      | 3.84 | 0.94          | Sederhana tinggi |
|    | Keseluruhan                                                                                                                  | 3.69 | 0.77          | Sederhana tinggi |

Secara keseluruhannya, pelajar mempunyai kemahiran komunikasi yang baik iaitu sederhana tinggi bagi semua 9 item iaitu penggunaan bahasa yang baik dan jelas dalam memberi pendapat, penggunaan gerak tubuh (*body language*) bagi meyakinkan pendengar, sedia tolak ansur dalam perundingan, mahir membentangkan hasil kerja, dapat meyakinkan orang lain apabila memberi hujah, mampu memberi pandangan dan pertanyaan dalam majlis perbincangan, mampu memudahkan komunikasi mengikut situasi, boleh berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris dan dapat berinteraksi dengan pelbagai peringkat usia dalam masyarakat.

Hal ini jelas menunjukkan adanya kualiti komunikasi dalam kalangan pelajar yang perlu terus digilap dan dikembangkan melalui iklim sekolah dan iklim bilik darjah yang membina dan konstruktif. Menurut Nurul Salmi Mohd Dazali dan Mohd Isha Awang (2014), pelajar yang mempunyai kecerdasan berkomunikasi menunjukkan pencapaian akademik yang tinggi kerana mereka cepat menyerap maklumat, memilih info yang

bermakna dan mudah menghubungkan fakta dan rasional ketika berhujah. Kemahiran komunikasi merupakan satu aspek penting yang perlu diberi penekanan dalam menyampaikan sesuatu maklumat (Amir Sharifuddin, 2011).

Nurul Salmi Mohd Dazali dan Mohd Isha Awang (2014) yang menyatakan bahawa pelajar mampu menguasai kemahiran komunikasi namun, kebolehan berbahasa Inggeris masih berada pada tahap rendah. Nurrahimah Mohd Yusoff dan Rosmawati Mamat (2002) mendapati pelajar Melayu menunjukkan kelemahan ketara dalam penggunaan Bahasa Inggeris kerana tiadanya sokongan di luar sekolah yang dapat mendorong penguasaan mereka dalam Bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, ada aspek-aspek dalam kemahiran komunikasi ini berada pada tahap tinggi iaitu berkaitan kemampuan pelajar untuk memudahkan komunikasi mengikut situasi yang pelbagai. Selain itu, terdapat perbezaan yang signifikan kemahiran insaniah dari aspek komunikasi dalam kalangan pelajar berdasarkan jantina. Kajian ini menunjukkan bahawa pelajar perempuan mempunyai komunikasi yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar lelaki.

### iii. **Kemahiran Berfikir**

Jadual 5 Tahap kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar

| No | Kemahiran berfikir                                                                     | Min  | Sishan piawai | Interpretasi     |
|----|----------------------------------------------------------------------------------------|------|---------------|------------------|
| 1  | Saya dapat mengaplikasikan apa yang di pelajari dengan isu semasa                      | 3.92 | 0.85          | Sederhana tinggi |
| 2  | Dapat memberi idea-idea baru dalam aktiviti perbincangan di sekolah                    | 3.74 | 1.02          | Sederhana tinggi |
| 3  | Saya mampu membuat kesimpulan dengan baik dalam setiap perkara                         | 3.81 | 0.91          | Sederhana tinggi |
| 4  | Saya mampu memberi pendapat dari beberapa perspektif yang berbeza                      | 3.79 | 0.86          | Sederhana tinggi |
| 5  | Saya dapat membuat refleksi dari idea-idea dan pengetahuan yang telah diperolehi       | 3.80 | 0.81          | Sederhana tinggi |
| 6  | Saya dapat menyelesaikan pelbagai masalah dengan cara sendiri                          | 4.02 | 0.90          | Tinggi           |
| 7  | Saya dapat memberi justifikasi sebab munasabah tentang sesuatu topik yang dibincangkan | 3.73 | 0.90          | Sederhana tinggi |
| 8  | Memberi pendapat secara rasional berdasarkan fakta                                     | 3.91 | 0.90          | Sederhana tinggi |
|    | Keseluruhan                                                                            | 3.84 | 0.65          | Sederhana tinggi |

Aspek kemahiran berfikir merupakan elemen penting dalam menyongsong abad ke 21 ini terutama dalam era globalisasi yang diasak oleh revolusi maklumat. Tentulah janggal jika pelajar tidak mampu menganalisis situasi dan perkembangan yang berlaku melalui pemikiran yang bernas kerana pelbagai sumber boleh diakses bagi membentuk daya fikir yang tinggi. Keseluruhannya, daya fikir pelajar sederhana tinggi bagi kesemua aspek dan memerlukan sedikit momentum bagi menggerakkan proses pemikiran mereka. Mohd Azhar Abdul Hamid (2003) menyatakan bahawa kehebatan individu

turut dipengaruhi oleh penggunaan otak yang maksimum serta cara berfikir yang kritis dan dinamik. Dapatan ini menjelaskan peranan sekolah dalam meningkatkan kebolehan daya fikir pelajar. Pelbagai cara telah dilakukan bagi merangsang pelajar untuk berfikir. Rajendran (2001) melihat asas yang penting ialah teknik guru dalam mengemukakan pertanyaan bagi merangsang pelajar untuk berfikir. Zarina Ahmad. (2009) dalam kajiannya tentang Keterampilan Bertutur dalam kalangan pelajar Institut Pendidikan Guru mendapati pelajar yang berfikir tentang aspek di sekitarnya mempunyai kepetahan berhujah yang tinggi dan dapat menghubungkan pelbagai perkara semasa yang berlaku ketika memberi idea.

#### ivPengurusan Teknologi Maklumat

Jadual 6 Tahap kemahiran pengurusan teknologi maklumat dalam kalangan pelajar

| No | Kemahiran pengurusan teknologi informasi                                                    | Min          | Sishan piawai | Interpretasi               |
|----|---------------------------------------------------------------------------------------------|--------------|---------------|----------------------------|
| 1  | Saya mahir tentang perkara-perkara asas ICT                                                 | 3.87         | 0.96          | Sederhana tinggi           |
| 2  | Saya mahir menggunakan medium sosial seperti <i>Facebook, Twitter, Instagram</i>            | 4.28         | 0.85          | Tinggi                     |
| 3  | Saya dapat menggunakan pelbagai kemahiran ICT yang lebih ke hadapan                         | 3.98         | 0.94          | Sederhana tinggi           |
| 4  | Saya dapat menapis dan membezakan sumber yang sahih dan tidak sahih                         | 3.78         | 0.98          | Sederhana tinggi           |
| 5  | Saya dapat mencari sumber-sumber baru melalui penggunaan ICT                                | 4.15         | 0.85          | Tinggi                     |
| 6  | Dapat menggunakan medium ICT untuk meningkatkan prestasi diri dan jaringan ilmu Keseluruhan | 4.12<br>4.03 | 0.88<br>0.69  | Sederhana tinggi<br>Tinggi |

Kemahiran pengurusan teknologi informasi ialah satu proses pengaliran, penyebaran, pemprosesan dan penyimpanan maklumat menggunakan perantaraan teknologi (Isjoni et. al, 2009). Kemahiran ini adalah berkaitan keupayaan guru dan pelajar untuk menggunakan kemudahan teknologi seperti pengaksesan kepada laman web, laman sosial, portal, filem, blog dan sebagainya. Akses melalui komputer dan perisian membolehkan seseorang pelajar menyimpan, mengubah, memproses dan mendapatkan maklumat tanpa batasan waktu dan tempat. Kemudahan teknologi sebegini juga membolehkan pengaliran maklumat dilakukan dengan pantas dan menjadi pemudah cara untuk pelajar memperoleh pengetahuan dan maklumat berkaitan pembelajaran mereka.

Sebagai generasi abad 21, pelajar dilihat mempunyai keyakinan yang tinggi dalam meneroka maklumat melalui ICT. Hal ini terbukti melalui kajian yang dijalankan di mana mereka cekap mencari pelbagai sumber pelajaran menggunakan internet dan memanfaatkan ICT untuk memperkembangkan pengetahuan, kemahiran dan membentuk jaringan yang luas dengan rakan-rakan di serata dunia untuk berkongsi maklumat dan idea. Kearns (2001) mengakui dinamika pendidikan berkembang selari

dengan penggunaan teknologi dalam berkomunikasi, jadi jika aspek ini tidak dikuasai kita akan ketinggalan dalam arus perubahan global. Kajian Isjoni, Abdul Razaq Ahmad dan Mohd. Arif Ismail (2009) mengakui penggunaan ICT meningkatkan kemahiran pelajar dalam pembelajaran mereka dan pelajar dapat meluaskan pemikiran mereka daripada pelbagai sumber maklumat.

#### iv. **Kemahiran Interpersonal**

Jadual 7 Tahap kemahiran interpersonal dalam kalangan pelajar

| No | Interpersonal                                                                                     | Min  | Sishan piawai | Interpretasi     |
|----|---------------------------------------------------------------------------------------------------|------|---------------|------------------|
| 1  | Selalu menghargai pendapat yang berbeza                                                           | 3.95 | 0.85          | Sederhana tinggi |
| 2  | Dapat memahami dan menyesuaikan diri dengan individu yang mempunyai latar belakang budaya berbeza | 4.00 | 0.82          | Sederhana tinggi |
| 3  | Mampu menyesuaikan diri dengan situasi baru                                                       | 3.90 | 0.92          | Sederhana tinggi |
| 4  | Peka terhadap permasalahan dan isu dalam persekitaran saya                                        | 3.81 | 0.91          | Sederhana tinggi |
| 5  | Bersikap terbuka dan boleh menerima kritikan serta pandangan orang lain                           | 3.91 | 0.89          | Sederhana tinggi |
| 6  | Mampu melibatkan diri dalam aktiviti sosial dalam sekolah dan masyarakat                          | 3.93 | 0.95          | Sederhana tinggi |
| 7  | Mudah berinteraksi dengan rakan baru dalam pelbagai situasi                                       | 4.00 | 0.83          | Sederhana tinggi |
| 8  | Sentiasa menjaga ketrampilan diri dari segi percakapan, pemakaian dan disiplin diri               | 4.13 | 0.85          | Tinggi           |
|    | Keseluruhan                                                                                       | 3.95 | 0.60          | Sederhana tinggi |

Sokongan ibu bapa, rakan sebaya, sekolah dan persekitaran yang selamat mempunyai hubungan yang signifikan dengan penglibatan remaja dalam aktiviti fizikal masa senggang. Efikasi, pengalaman remaja dan sokongan emosi rakan sebaya merupakan penyumbang kepada perlakuan aktiviti fizikal mereka. Oleh itu, program-program intervensi adalah sangat diperlukan bagi meningkatkan penglibatan remaja dalam aktiviti fizikal masa lapang secara menyeluruh. Dapatan menunjukkan tahap kemahiran interpersonal pelajar adalah tinggi.

Hal ini bermakna mereka dapat berkomunikasi dan membina hubungan yang baik dengan orang lain tanpa sebarang masalah. Hubungan dengan guru dapat dijalin secara harmoni bertepatan dengan kenyataan Adena et al. (2004) yang melihat wujudnya perkaitan antara sokongan guru terhadap keterlibatan pelajar dan pencapaian akademik. Melalui sumber-sumber data empirikal yang lain, beliau mendapati bahawa sokongan guru serta hubungan yang baik bersama pelajar akan meningkatkan sikap positif kepada akademik, nilai-nilai dan kepuasan terhadap sekolah. Pada masa kini, kecenderungan pihak industri ialah memilih mereka yang dapat berkomunikasi dengan baik adalah

tinggi dalam menawarkan pekerjaan. Komunikasi yang baik berkait erat juga dengan keupayaan menggunakan bahasa yang sopan, ayat yang teratur dan penyampaian dengan nada yang persuasive dan berbudi bahasa.

Kajian ini menunjukkan sekolah berjaya meningkatkan penyesuaian diri pelajar untuk beradaptasi dengan suasana kepelbagaian dan perubahan semasa. Pelajar dapat menerima rakan-rakan dari pelbagai kaum. Kajian lain (Lee, 1985; Wan Halim Wan Othman, 1992 dan Mansor Mohd Noor, 1999) turut mengakui kestabilan negara pada hari ini kerana rakyat sedia beradaptasi (menyesuaikan diri) dalam unsur kemajmukan, justeru itu mereka lebih bersifat terbuka, menerima kritikan dan pandangan orang lain. Keadaan yang sama turut dikemukakan melalui kajian ini. Implikasinya ialah pelajar dapat:

1. Melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti sosial
2. Berinteraksi dengan rakan-rakan baru dalam pelbagai situasi
3. Menjaga keterampilan diri dari segi percakapan, pemakaian dan disiplin diri

#### v. Kemahiran Berkerjasama

Jadual 8 Tahap kemahiran bekerjasama dalam kalangan pelajar

| No | Kemahiran Bekerja Sama                                                           | Min  | Sishan piawai | Interpretasi     |
|----|----------------------------------------------------------------------------------|------|---------------|------------------|
| 1  | Dapat menjalankan tugas yang diberikan                                           | 3.04 | 0.80          | Sederhana tinggi |
| 2  | Dapat menghargai dan menerima pendapat dalam perbincangan kumpulan               | 3.07 | 0.77          | Sederhana tinggi |
| 3  | Dapat bekerjasama dengan baik untuk mencapai matlamat kerja kumpulan             | 3.20 | 0.78          | Sederhana tinggi |
| 4  | Dapat berinteraksi dengan baik dengan semua ahli kumpulan                        | 3.08 | 0.81          | Sederhana tinggi |
| 5  | Dapat bekerjasama dengan ahli kumpulan yang mempunyai latar belakang berbeza     | 3.01 | 0.82          | Sederhana tinggi |
| 6  | Penglibatan dalam kumpulan tidak melibatkan kepentingan peribadi                 | 2.87 | 0.94          | Sederhana        |
| 7  | Sentiasa mementingkan matlamat atau kejayaan kumpulan daripada kejayaan peribadi | 3.02 | 0.85          | Sederhana tinggi |
| 8  | Sentiasa prihatin dan memotivasikan ahli kumpulan supaya lebih cemerlang         | 2.89 | 0.97          | Sederhana        |
| 9  | Saya sentiasa memberi sumbangan yang optimum dalam aktiviti kerja kumpulan       | 2.86 | 0.88          | Sederhana        |
| 10 | Sentiasa membantu ahli kumpulan untuk kejayaan bersama                           | 2.92 | 1.06          | Sederhana        |
|    | Keseluruhan                                                                      | 3.00 | 0.62          | Sederhana        |

Pelajar juga dapat menjalankan kerjasama yang baik dengan orang lain ketika melaksanakan aktiviti baik dalam bilik darjah mahupun di luar bilik darjah seperti dalam aktiviti ko akademik dan ko kurikulum. Kesiediaan bekerjasama dengan pelajar lain tanpa sebarang halangan menjadi asas kejayaan pelaksanaan aktiviti dalam banyak



perkara di sekolah. Sekolah telah berjaya membentuk generasi baru yang tidak mempunyai jurang hubungan antara kaum atau batas prejudis yang boleh menghalang sebarang aktiviti kumpulan. Hal ini selari dengan pandangan Wan Hashim Wan Teh (1983) bahawa hubungan antara kaum berkembang secara positif dalam masyarakat demikian juga pandangan Sanusi Osman (1989) yang melihat adanya peningkatan dalam kerjasama antara kaum. Justeru itu, kajian ini melihat sekolah sebagai sub sistema akar umbi telah berjaya menyediakan suasana dan iklim yang menyokong ke arah perubahan tersebut.

### Vii Kemahiran Insaniah Dalam Kalangan Pelajar

Jadual 9 Tahap kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar

| No | Kemahiran Insaniah                       | Min  | Sisihan piawai | Interpretasi     |
|----|------------------------------------------|------|----------------|------------------|
| 1  | Kepimpinan                               | 3.72 | 0.73           | Sederhana tinggi |
| 2  | Komunikasi                               | 3.69 | 0.77           | Sederhana tinggi |
| 3  | Kemahiran berfikir                       | 3.84 | 0.65           | Sederhana tinggi |
| 4  | Kemahiran pengurusan teknologi informasi | 4.03 | 0.69           | Tinggi           |
| 5  | Interpersonal                            | 3.95 | 0.60           | Sederhana tinggi |
| 6  | Bekerja sama                             | 3.00 | 0.62           | Sederhana        |

Jadi, keseluruhannya kajian ini mengukuhkan lagi Teori Bronfrenbrenner yang menyatakan adanya sokongan persekitaran terhadap pembentukan nilai-nilai sendiri pelajar dan memantapkan kemahiran insaniah dalam diri mereka. Kajian Esa, Abd. Hadi dan Mohd Salleh (2007) mendapati bahawa graduan yang menguasai kemahiran generik setelah mempelajarinya menerusi kokurikulum dapat memenuhi keperluan pihak industri. Berdasarkan data-data yang dikemukakan oleh Harvard School of Bussines (2009), hampir 90% pengetahuan dan kemahiran yang diberikan di sekolah adalah kemahiran teknikal dan teoritikal yang bersifat akademik, manakala hanya 10 % sahaja kemahiran hidup atau *life skill*, Justeru itu kajian ini mencadangkan agar sekolah perlu juga memberikan tumpuan untuk mengembangkan kemahiran hidup atau kemahiran generik sebagai persediaan kebolehpasaran kerja selepas keluar dari sekolah.

### IMPLIKASI DAN CADANGAN

Implikasi penting daripada kajian ini menunjukkan bahawa peranan sekolah dan iklim bilik darjah amat penting dalam mengembangkan amalan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar kerana melalui pelbagai program yang dilaksanakan dan aktiviti yang dianjurkan, pelajar menyerap pelbagai situasi, maklumat dan kemahiran. Hal ini sekaligus mengakui peranan sekolah sebagai agen sosialisasi peringkat asas yang mengembangkan semua aspek kemahiran insaniah dan menyediakan platform kerjasama erat melalui aktiviti antara kaum. Kajian ini juga mengukuhkan pelbagai kajian lain tentang adanya peningkatan dalam amalan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar.



Beberapa kelemahan telah dikenalpasti bagi tujuan refleksi dan penambahbaikan. Malahan kajian ini menunjukkan bahawa unsur kemenjadian murid sebagaimana yang dikehendaki dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) telahpun berkembang dalam iklim di sekolah dan bilik darjah dalam pelbagai aspek.

Selain daripada itu, kajian ini juga dapat memberi input kepada pihak Kementerian Pendidikan dan pihak-pihak berkepentingan untuk memikirkan lebih lanjut bagaimana meningkatkan lagi pengupayaan sekolah dalam konteks mengembangkan kemahiran insaniah seperti menyediakan latihan profesional lanjutan kepada guru-guru (CPD), meningkatkan lagi kemudahan ICT dan jaringan internet dalam memupuk budaya ICT, memperluaskan program penandaarasan bagi mencurahkan amalan terbaik di sekolah lain dalam meningkatkan lagi membangunkan individu pelajar untuk bersedia ke lapangan pekerjaan kelak. Justeru itu, kajian ini mencadangkan agar profesionalisme guru-guru perlu menjadi keutamaan agar mereka benar-benar menjadi tulang bekalg penting dalam mencorakkan perkembangan individu pelajar dalam menyerap perubahan dan menguasai pelbagai kemahiran, kerana penggerak perubahan dan pengelola aktiviti di sekolah ialah guru-guru.

Penyediaan kemudahan ICT di sekolah perlulah benar-benar dapat dimanfaatkan oleh para pelajar di mana kemudahan wi fi perlu disediakan di setiap blok sekolah agar pelajar dapat akses internet dalam pembelajaran dan meningkatkan kemahiran mereka. Setiap bilik darjah perlulah disediakan desktop bagi tujuan rujukan untuk menyiapkan tugas dan sebagainya. Dalam hal ini, Maktab Rendah Sains Mara agak ke hadapan kerana setiap bilik darjah dilengkapi dengan kemudahan desktop yang mempunyai akses internet. Sokongan ibu bapa melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru-guru juga amat penting terutama dalam memikirkan dana tambahan yang diperlukan oleh pihak sekolah bagi merangka pelbagai strategi untuk memperkasakan pelajar dan mengembangkan potensi individual mereka. Demikian juga tanggungjawab sosial sektor korporat dalam memberikan pembiayaan untuk penganjuran aktiviti pengembangan bakat dan kemahiran pelajar.

## PENUTUP

Kemahiran Insaniah merupakan kemahiran *multi skill* yang menjadi asas kemenjadian untuk ukuran kecemerlangan individu pelajar selepas fasa persekolahan apabila mereka mencari peluang pekerjaan. Justeru itu, sandaran kecemerlangan pelajar hanya semata-mata kepada pencapaian akademik tidak lagi boleh digunakan, sebaliknya sekolah dan bilik darjah dua tempat di mana pelajar mendapatkan latihan dan bimbingan perlulah menyediakan suasana, iklim dan budaya yang sesuai bagi pengembangan bakat, kebolehan, potensi dan keupayaan diri mereka agar mempunyai kelebihan untuk bersaing di pasaran terbuka setelah menjalani sesi pembelajaran di sekolah.

## RUJUKAN

- Ahmad Esa, Kamarudin Khalid dan Sarebah Warman. 2014. Penerapan dan Kesedaran Kemahiran Kepimpinan Menerusi Kokurikulum Silat dalam Kalangan Pelajar UTHM. Prosiding Persidangan Kebangsaan Pembangunan Holistik Pelajar (NAHSDEC). Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional Universiti Tun Hussien Onn Malaysia. Abdul Rahman 2010,
- Ahmad Esa, Jailani Mohd Yunus dan Fadilah Mat Assain @ Hashim. 2011. The Implementation of Generic Skills at Technical Schools: Comparative Analysis In Different Platform. *Journal of Techno-Social*. Vol. 3 No. 2.
- Haslinda @ Robita Hashim, Muhammad Nubli Abdul Wahab dan Zarina Mohd Ali. 2005. *Pembangunan Sahsiah Mahasiswa Bersepadu: Konsep Dan Pelaksanaannya Di Kolej Universiti Kejuruteraan*. Kertas kerja yang dibentang di Seminar Kebangsaan Kursus Sokongan Kejuruteraan, Di Hotel Aseania, Langkawi 17-18 Disember 2005.
- Kearns. 2001. *Linking Schools and Industry*. Oxford: Basil Blackwell Ltd. Lange, D.L dan Technicon, P.E. 2000. "The Identification of The Most Important Non-technical Skills Required by Entry Level Engineering Students When They Assume Employment." *Journal of Cooperative Education*. 35. 21-32.
- Lee, R, 1985. *Ethnic and tehtnic relations in Malaysia*. Monograph Series on Southeast Asian, 12. Northern Illinois University.
- Mansor Mohd Noor, 1999. *Crossing ethnic : borders in Malaysia*. Akademia, 55(Julai): 61-82
- Mohd Fazli Hasan, Suhaida Abdul Kadir dan Soaib Asimiran. 2013. Hubungan Persekitaran Sekolah Dengan Penglibatan Pelajar dalam Aktiviti Kokurikulum di Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 38 (2): 1-9.
- Mohd Zaki Kamsah, Mohd Salleh Abu dan Wahid Razzaly. 2011. *Penerapan Kemahiran Generik Kepada Pelajar Dalam Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran di IPTA*.
- Quek. 2005. "Learning For The Workplace: A Case Study In Graduate Employees" Generic Competencies." *Journal of Workplace Learning*. 17. 231-242.
- Raja Roslan Raja Abdul Rahman, Azizi Yahya, Hj Mohd Salleh Hj Hassan. 2000. *Peranan komunikasi kepimpinan diri dan organisasi dalam perspektif Islam*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Rosnanaini Sulaiman, Maimun Aziz Dan Mok Soon Sang. 2011. *Kemahiran Berfikir*. Selangor: Penerbit Multimedia Sdn. Bhd.
- Sanusi Osman, 1989, *Ikatan Etnik dan Kelas Di Malaysia*, Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia
- Wan Hashim Wan Teh, 1983. *Race relations in Malaysia*. Kuala Lumpur: Hainemann Educational Books.
- Zainudin Hassan, Hamdan Said, Jamilah Omar & Haslita Hassan. 2006. *Pengaplikasian Kemahiran Berfikir Dalam Pengajaran Kemahiran Hidup Bersepadu Di Sekolah Menengah Daerah Kota Bahru, Kelantan*. Kajian Ilmiah Tidak Diterbitkan. Universiti Teknologi Malaysia. Johor.

\_\_\_\_\_0000\_\_\_\_\_